

# Majlis Perpisahan Prof. Dr. Amran Ahmed

Artikel oleh: P.M. Dr. Baba Musta



Satu majlis perpisahan bersama mantan TNC (Akademik dan Antarabangsa), UMS Prof. Dr Amran Ahmed telah diadakan di Bilik Mesyuarat Utama SST pada 24 Februari 2012. Majlis ini telah dihadiri oleh Pemangku Dekan SST, P.M Dr. Baba Musta, Dekan Pasca Siswazah, P.M Dr Mariam Abd. Latip, pensyarah-pensyarah SST dan kakitangan SST. Prof. Dr. Amran Ahmed telah dipinjamkan ke Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu Darul Iman (UniSZA) selama tiga tahun bermula 31 Januari 2012 sehingga 31 Januari 2015. Beliau juga memegang jawatan sebagai TNC (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) di univerti yang sama. Beliau berhasrat menyumbangkan khidmat di UMS setelah tempoh perkhidmatan tamat di UniSZA.